



# SIARAN MEDIA

---

## PEMBANGUNAN SISTEM PENGKREDITAN KARBON KEBANGSAAN UNTUK PASARAN KARBON YANG MAMPAN

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Malaysia Forest Fund telah menganjurkan *ASEAN Carbon Forum 2024 – Development of Crediting Programme and Carbon Project (ACF2024)* dengan kerjasama World Bank Group dan Permian Malaysia pada 9 Oktober 2024 bersempena dengan *International Greentech & Ecoproduct Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) 2024* di Kuala Lumpur Convention Centre.

Penganjuran ACF2024 ini adalah bertujuan untuk memudahcara dan menggalakkan wacana dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN berhubung usaha-usaha ke arah pembangunan sistem pengkreditan karbon serta ekosistem pasaran karbon yang kondusif di peringkat serantau.

Dalam ucapan perasmianya, Menteri NRES, Nik Nazmi Nik Ahmad memaklumkan bahawa NRES melalui Malaysia Forest Fund (MFF) sedang giat membangunkan Sistem Pengkreditan Karbon Kebangsaan di bawah program *Forest Carbon Offset (FCO)*.

FCO merupakan instrumen berasaskan pasaran yang membolehkan manfaat (dalam bentuk kredit karbon) yang terhasil daripada aktiviti ofset karbon melalui pelaksanaan program pemuliharaan dan perlindungan hutan dipindahkan kepada pembeli (sama ada syarikat, organisasi atau individu). Kredit karbon yang dijana daripada aktiviti ofset karbon ini boleh diniagakan di --dalam platform pasaran karbon (sukarela atau pematuhan) untuk membantu syarikat-syarikat yang berusaha mengurangkan jejak karbon dalam operasi mereka.

Pengkreditan karbon adalah pelengkap kepada instrumen penetapan harga karbon (CPI), di mana CPI merupakan pendekatan dasar bagi mewujudkan insentif dalam bentuk ekonomi bagi mendorong perubahan yang diperlukan. Instrumen CPI ini telah digunapakai di kebanyakan negara-negara maju dan semakin diterima dalam kalangan negara-negara membangun termasuk ASEAN. Melalui pengintegrasian penyelesaian berasaskan alam semula jadi (NbS) ke dalam kerangka perundangan, pasaran karbon dapat mengukuhkan sumbangan kepada pemeliharaan alam sekitar dan mitigasi iklim, di samping mencipta nilai ekonomi yang mampan.

Selari dengan komitmen negara untuk mengekalkan 50% kawasan berhutan, Kementerian mengiktiraf peranan strategik setiap pihak khususnya sektor swasta dalam melindungi perkhidmatan ekosistem dan memastikan penggunaannya secara mampan. Pasaran karbon membolehkan mobilisasi kewangan disalurkan kepada sektor perhutanan melalui instrumen berasaskan pasaran dan bukan pasaran bagi membiayai aktiviti-aktiviti pengekalan, pemuliharaan, perlindungan dan pengurusan hutan secara berkekalan.

“Kementerian sedang dalam proses membangunkan Akta Perubahan Iklim Kebangsaan dan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan. Pada masa yang sama, kami menyedari bahawa mekanisme berasaskan pasaran adalah alat penting dalam menangani perubahan iklim dan kami komited untuk meneroka bagaimana Malaysia boleh memanfaatkan peluang ini dengan sebaiknya,” ujar Nik Nazmi dalam ucapan perasmianya.

Pengisian forum ACF2024 ini telah menampilkan panel-panel berkaliber yang membincangkan mengenai sistem pengkreditan karbon dari perspektif penawaran dan permintaan, serta menampilkan perkongsian beberapa projek karbon terpilih di ASEAN dari perspektif cabaran pembangunan, pengkreditan, pembiayaan dan pemantauan serta pengesahan.

Penganjurannya menyaksikan penyertaan yang tinggi daripada negara-negara anggota ASEAN seperti Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura, serta pelbagai pihak berkepentingan termasuklah Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, syarikat-syarikat korporat, institusi kewangan, pertubuhan bukan kerajaan, perunding projek, pemaju projek, badan validasi dan pemverifikasi, badan pengkreditan karbon dan ahli akademik.

Permian Global selaku rakan strategik bagi penganjuran ACF2024 juga telah menaja *Verified Carbon Unit* (VCU) daripada Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut untuk mengimbangi pelepasan perjalanan dan sebagai simbolik komitmen Malaysia ke arah mencapai aspirasi pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050. Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut merupakan inisiatif yang melindungi dan memulihara 83,381 hektar hujan tropika di Sabah di bawah kerjasama awam-swasta antara Permian Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, Rakyat Berjaya Sdn. Bhd., Yayasan Sabah dengan sokongan PACOS Trust dan South East Asia Rainforest Research Partnership.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES) 9 OKTOBER 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia